

Headline **Maulidur Rasul FRIM**
Date **17 Mar 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **11**
Article Size **322 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,364**
PRValue **19,092**



Maulidur Rasul FRIM

Peristiwa

SAMBUTAN Maulidur Rasul anjuran Badan Kebajikan Islam Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang diadakan di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Kepong, Selangor disambut meriah dengan kehadiran hampir 800 warganya.

Sambutan pada Jumaat lalu turut dimeriahkan dengan acara perarakan yang bermula seawal pukul 8.30 pagi turut disertai pelajar Tahun 2 dan 3 dari Kelas Agama dan Fardu Ain (Kafa) Integrasi FRIM dengan membawa sepanduk sambil berselawat.

Kesemua mereka terdiri daripada 14 kontinjen mewakili bahagian-bahagian di bawah FRIM, Bahagian Latihan Perhutanan, JPSM dan tidak ketinggalan para pelajar sekolah dan guru.

Perarakan sejauh satu kilometer itu bermula dari padang pentadbiran FRIM ke Dewan Alwy yang diketuai Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod, Timbalan Pengarah FRIM dan semua pengarah-pengarah bahagian FRIM.

Penyelarasnya, Mohamad Zaki Mohd. Isa memberitahu, sebelum ini, sambutan Maulidur Rasul di FRIM, diraikan sekadar

dengan ceramah agama malah seingat beliau acara perarakan kali terakhir dilakukan ialah kira-kira 10 tahun lalu.

“Namun memandangkan tahun 2010 ini adalah ulang tahun ke 25 tahun FRIM, maka bersempena dengan tarikh bermakna inilah, kita membuat sedikit kelainan pada sambutan Maulidur Rasul kali ini.

“Di mana selain acara perarakan, turut diadakan ialah pertandingan sepanduk, persembahan nasyid daripada anak-anak Kafa Integrasi FRIM dan kumpulan nasyid yang terdiri daripada enam anak muda yang juga staf FRIM yang menggelarkan diri mereka, kumpulan nasyid SaBaQa.

“Kami juga telah menjemput

penyanyi yang tidak asing daripada kumpulan Raihan iaitu Nazrey Johani untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk, Tak Kenal Maka Tak Cinta pada pagi ini,” katanya.

Tambahnya, pada pertandingan sepanduk tempat pertama dimenangi oleh Kafa Integrasi FRIM diikuti Bahagian Kewangan FRIM dan tempat ketiga ialah Bahagian Biodiversiti Hutan FRIM.

Para pemenang kata Mohamad Zaki, diadili dari segi penggunaan tulisan Jawi, perletakan logo ulang tahun 25 tahun FRIM, cogankata, reka bentuk dan keseragaman pakaian.



DR. Abd. Latif Mohmod (tiga dari kanan) menerajui perarakan pada sambutan Maulidur Rasul Frim, baru-baru ini.



PERSEBAHAN nasyid oleh anak-anak Kafa Integrasi FRIM